

# POLISI PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLE BLOWER)

Jabatan Integriti, Governans  
& Pengurusan Risiko  
Central Spectrum (M) Sdn. Bhd.

**EDISI PERTAMA (2022)**



 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>1 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

### **Hak cipta terpelihara**

Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau pun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Integriti, Governans & Pengurusan Risiko  
Central Spectrum (M) Sdn. Bhd.  
No. 7, Jalan Perigi Nanas 8/6,  
Indah Point, Pulau Indah,  
42920 Port Klang, Selangor, Malaysia.

 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>2 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

## KANDUNGAN

<u>Bil</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Muka Surat</u>
	Prakata	3
1	Pengenalan	4
2	Objektif	4
3	Definisi	5
4	Skop	6
5	Penguatkuasaan	7
6	Pemakaian dan Pengasingan	8
7	Membuat Pelaporan	9
8	Perlindungan	10
9	Pembatalan Perlindungan	11
10	Tanggungjawab	11
11	Maklumbalas	12
12	Carta Aliran Pemberi Maklumat	13

 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>3 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

## PRAKATA

Polisi Pemberi Maklumat CSSB (*CSSB Whistle Blowing Policy*) ini adalah satu polisi baru yang diwujudkan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 iaitu “*Penubuhan Unit Integriti dan Governans Syarikat Berkaitan Kerajaan (“GLC”), Syarikat-syarikat yang Dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan Termasuk Di Bawah Kerajaan Negeri*” yang dikeluarkan pada Oktober 2018. Selaras dengan arahan tersebut, maka penubuhan Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko (“JIGPR”) CSSB telah terlaksana pada Mac 2022. Polisi ini diadaptasi dari Polisi Integriti dan Governans (JIG) Menteri Besar Selangor (Perbadanan) (MBI) bagi menjelaskan / menerangkan tindakan-tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku salah laku rasuah, percanggahan kepentingan, salah guna kuasa, penyelewengan dan pelanggaran kepada peraturan-peraturan di dalam CSSB dan Anak Syarikat CSSB.

JIG MBI telah mewujudkan saluran Aduan Integriti sebagai inisiatif serta selaras dengan amalan Tadbir Urus Terbaik (“Good Governance”) dalam membantu CSSB dan Anak Syarikat CSSB dalam mekanisme kawalan dalaman yang mantap, sistematik dan selari dengan undang-undang dalam usaha untuk membendung salah laku yang menyumbang kepada ketirisan, pembaziran dan ketidakadilan sehingga menjaskan reputasi CSSB dan Anak Syarikat CSSB dan secara tidak langsung akan mencemarkan imej Kerajaan Negeri.

CSSB dan Anak Syarikat CSSB perlu meneruskan prinsip tidak berkompromi dalam sebarang bentuk salah laku rasuah, percanggahan kepentingan, salah guna kuasa dan penyelewengan serta memastikan segala urusniaga adalah efisien dan bersih dari sebarang unsur salah laku berkenaan. Oleh itu, polisi ini perlu menjadi medium utama untuk menyuarakan kesangsian atau melaporkan sebarang salah laku tanpa rasa bimbang. Perlindungan sewajarnya akan diberikan kepada pelapor tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam polisi ini.

Saya berharap polisi ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua kakitangan CSSB dan Anak Syarikat CSSB, pihak yang berkepentingan dalam CSSB dan rakan perniagaan CSSB terutamanya apabila berdepan dengan situasi salah laku tersebut. Adalah penting untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada CSSB dan menghindar ketirisan melalui kerja yang telus dan berkualiti tinggi.



**ENCIK MOHAMAD RAZIF BIN ABDUL WAHAB**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Central Spectrum (M) Sdn. Bhd.

September 2022

 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>4 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Integriti merupakan salah satu daripada nilai teras utama Central Spectrum (M) Sdn Bhd (“CSSB”). Sehubungan dengan itu, semua urusan operasi CSSB harus dilaksanakan dengan standard integriti yang tinggi dan tadbir urus terbaik bagi mengelakkan sebarang salah laku yang boleh menjelaskan CSSB dan Kumpulan Syarikat serta juga boleh mencalit imej Kerajaan Negeri.
- 1.2 Sebagai suatu usaha untuk lebih memperkuatkkan mekanisme kawalan dalaman, Polisi dan Prosedur Pemberi Maklumat CSSB telah diwujudkan mengikut Arahan YAB Perdana Menteri yang menggariskan supaya syarikat menyediakan saluran pelaporan berkaitan salah laku dan menangani isu-isu kelemahan integriti dan governans.
- 1.3 Aduan Integriti ialah sebarang aduan oleh kakitangan CSSB dan kumpulan syarikat CSSB, pihak luar yang berurusan dengan CSSB dan kumpulan syarikat atau orang awam bagi melaporkan sebarang salah laku kakitangan CSSB dan kumpulan syarikat, kelemahan sistem dan tatacara kerja, perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa atau tindakan yang menyalahi undang-undang.

## 2. OBJEKTIF

- 2.1 Objektif Polisi Pemberi Maklumat CSSB dan Kumpulan Syarikat adalah seperti berikut:
  - 2.1.1 Memberi ruang dan peluang kepada mana-mana Pelapor untuk membuat laporan salah laku di CSSB dan Kumpulan Syarikat;
  - 2.1.2 Memberi jaminan kepada mana-mana Pelapor bahawa mereka akan dilindungi daripada tindakan yang memudaratkan sekiranya membuat laporan dengan niat suci hati;
  - 2.1.3 Menyediakan satu mekanisme rasmi yang selamat bagi tindakan yang akan diambil ke atas semua laporan salah laku yang diterima; dan
  - 2.1.4 Mengambil tindakan yang sewajarnya bagi apa-apa perkara salah laku yang dilaporkan oleh mana-mana sumber lain.

 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>5 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

### 3. DEFINISI

3.1 Definisi terma yang diguna pakai di dalam Polisi ini membawa maksud seperti berikut:

<b>Agensi penguatkuasa undang-undang</b>	Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan lain-lain.
<b>Laporan salah laku</b>	Sebarang laporan atau maklumat berkaitan salah laku yang jika terbukti, boleh menjadi suatu kesalahan jenayah atau kesalahan tatatertib.
<b>Pelapor</b>	Seseorang atau kumpulan orang yang membuat laporan atau memberi maklumat berkaitan salah laku.
<b>Percanggahan kepentingan</b>	Konflik antara kepentingan peribadi seseorang dengan tanggungjawab rasminya yang boleh mempengaruhi secara salah dalam pelaksanaan tugas beliau.
<b>Perkara salah laku yang dilaporkan oleh mana-mana sumber lain</b>	Laporan atau maklumat berkaitan salah laku yang dilaporkan oleh agensi luar, rujukan daripada Jabatan / Unit /rujukan daripada CSSB dan Kumpulan Syarikat, rujukan dari Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko CSSB dan rujukan daripada Ahli Lembaga Pengarah CSSB dan lain-lain.
<b>Kakitangan CSSB dan Kumpulan Syarikat</b>	Seseorang yang dilantik bekerja untuk CSSB dan Kumpulan Syarikat CSSB dan Kumpulan Syarikat secara tetap, sementara atau kontrak. (Tertakluk kepada terma dan syarat lantikan di CSSB dan Kumpulan Syarikat).
<b>Pihak berkepentingan dalam CSSB</b>	Organisasi yang ditubuh oleh CSSB seperti anak syarikat, Yayasan, Kelab Sukan, Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja Anak Syarikat termasuklah semua kakitangan dan Ahli Lembaga Pengaruhnya dan Ahli Pemegang Amanah anak syarikat.
<b>Polisi</b>	Merujuk kepada Polisi Pemberi Maklumat CSSB dan Kumpulan Syarikat.
<b>Rakan perniagaan</b>	Pembekal, kontraktor, juru perunding atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan atau perkhidmatan dengan CSSB dan Kumpulan Syarikat serta pihak berkepentingan dalam CSSB.
<b>Rasuah</b>	Apa-apa manfaat yang ditawar / diberi / diminta / diterima dalam apa-apa bentuk sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan urusan CSSB dan Kumpulan Syarikat.
<b>Salah guna kuasa</b>	Menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi untuk manfaat diri sendiri atau saudara atau sekutu

 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>6 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

<b>Salah laku</b>	Apa-apa kelakuan tidak wajar yang bertentangan dengan undang-undang atau polisi, peraturan dan prosedur CSSB dan Kumpulan Syarikat.
<b>Saudara</b>	Tafsiran Saudara adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
<b>Sekutu</b>	Tafsiran Sekutu adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
<b>Ketua Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko</b>	Ketua pegawai bagi Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko

#### 4. SKOP

4.1 Skop Polisi ini meliputi semua salah laku yang telah, sedang atau dipercayai akan berlaku di CSSB dan Kumpulan Syarikat yang jika terbukti:

- 4.1.1 Menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang; dan
- 4.1.2 Menjadi suatu kesalahan tatatertib sekiranya melanggar Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan CSSB dan Kumpulan Syarikat serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur yang diguna pakai di CSSB dan Kumpulan Syarikat.

4.2 Antara skop salah laku yang boleh dilaporkan adalah seperti berikut:

- 4.2.1 Manawar / memberi / meminta atau menerima apa-apa rasuah dan sogokan;
- 4.2.2 Percanggahan kepentingan;
- 4.2.3 Salah guna kuasa termasuk melibatkan manfaat kepada diri sendiri, saudara dan sekutu;
- 4.2.4 Penyelewengan antaranya seperti berikut:
  - a. Membuat / memperakarkan atau mengemukakan tuntutan palsu;
  - b. Pecah amanah jenayah seperti penggelapan wang atau penggunaan wang tanpa kelulusan;
  - c. Penyalahgunaan asset CSSB dan Kumpulan Syarikat;
  - d. Penipuan;
  - e. Pemalsuan;

 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>7 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

- f. Pelanggaran polisi, prosedur atau peraturan pelakuan CSSB dan Kumpulan Syarikat;
  - g. Memusnahkan, mencacatkan, mengubah atau menyembunyikan dokumen atau benda yangmempunyai kaitan dengan suatu siasatan; dan
  - h. Lain-lain kesalahan jenayah.
- 4.2.5 Pelanggaran Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan CSSB dan Kumpulan Syarikat serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur CSSB dan Kumpulan Syarikat.
- 4.2.6 Bersubahat, mengarahkan, menasihati, merancang atau menyebabkan seseorang melakukan mana-mana perkara di atas. (seperti di para 4.2.1,4.2.2,4.2.3, 4.2.4 dan 4.2.5).

## 5. PENGUATKUASAAN

- 5.1 Penguatkuasaan Polisi ini adalah tertakluk kepada kelulusan Ahli Lembaga Pengarah CSSB dan Kumpulan Syarikat.
- 5.2 Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko bertanggungjawab untuk menyemak dan mengemaskini Polisi ini mengikut keperluan. Mana-mana pindaan yang dicadangkan di masa hadapan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit, Pengurusan Risiko & Integriti (“JARI”) MBI untuk persetujuan seterusnya dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah CSSB untuk kelulusan.
- 5.3 Polisi ini juga akan digunakan oleh anak-anak syarikat kumpulan CSSB yang tidak mempunyai Jabatan Integriti dan Governansnya tersendiri.
- 5.4 Polisi ini hendaklah disebarluaskan kepada semua kakitangan CSSB, Ahli Lembaga Pengarah CSSB, pihak berkepentingan dalam CSSB dan rakan perniagaan dalam CSSB serta dimuat naik di dalam laman web CSSB ([www.centralspectrum.com.my](http://www.centralspectrum.com.my)).

 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>8 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

## 6. PEMAKAIAN DAN PENGASINGAN

- 6.1 Polisi ini terpakai kepada semua kakitangan CSSB, Ahli Lembaga Pengarah CSSB dan pihak berkepentingan dalam CSSB.
- 6.2 Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan CSSB serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur CSSB serta undang-undang di Malaysia.
- 6.3 Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa mekanisme polisi dan prosedur pemberi maklumat yang dibuat oleh pihak berkepentingan dalam CSSB dan Kumpulan Syarikat hanya boleh bertindak sebagai tambahan kepada Polisi ini, dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan, Polisi ini akan diguna pakai.
- 6.4 Apa-apa terma, peruntukan atau akur janji dalam Polisi ini yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan hendaklah menjadi tidak efektif setakat menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan tanpa membatalkan peruntukan-peruntukan Polisi ini.
- 6.5 Polisi ini tidak boleh digunakan sebagai pengganti atau alternatif kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) untuk mendapatkan kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah. Sepertimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.
- 6.6 Pelapor juga boleh membuat apa-apa laporan salah laku kepada agensi penguatkuasa undang-undang di mana perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan lain-lain akta yang berkaitan boleh diberikan kepada Pelapor.
- 6.7 Polisi ini tidak terpakai bagi perkara-perkara berikut:
  - 6.7.1 Laporan yang bersifat rungutan peribadi mengenai terma- terma dan syarat-syarat perkhidmatan, penilaian prestasi, pampasan atau lain-lain aspek hubungan kerja individu;
  - 6.7.2 Laporan yang mengandungi maklumat yang dilarang didedahkan oleh undang-undang seperti Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) dan yang sepertinya;
  - 6.7.3 Laporan yang mempersoalkan merit dasar Kerajaan atau CSSB; dan
  - 6.7.4 Laporan yang dibuat tanpa butiran identiti Pelapor, identiti Pelapor tidak dapat disahkan atau dibuat melalui surat layang. Sebarang tindakan yang akan diambil, jika ada, ke atas laporan salah laku sebegini akan ditentukan bergantung kepada kebolehpercayaan dan ketepatan kandungan laporan.

 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>9 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

## 7. MEMBUAT PELAPORAN

- 7.1 Pelapor perlu membuat laporan dengan segera dalam tempoh yang dirasakan munasabah sekiranya mempunyai kepercayaan yang munasabah suatu salah laku telah, sedang atau dipercayai akan berlaku di CSSB dan Kumpulan Syarikat.
- 7.2 Pelapor digalakkan untuk membuat laporan melalui kaedah-kaedah berikut:
- 7.2.1 Berjumpa atau menghubungi Ketua Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko untuk membuat laporan;
  - 7.2.2 Sekiranya melibatkan kakitangan Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko, pelapor boleh membuat laporan terus kepada Jabatan Integriti dan Governans MBI untuk tindakan lanjut.
  - 7.2.3 Secara atas talian melalui website CSSB atau emelkan maklumat kepada [integrity@pulauindah.com.my](mailto:integrity@pulauindah.com.my).
  - 7.2.4 Secara panggilan telefon dengan menghubungi talian whistleblowing di talian 03-31012020 samb. 301 (Ketua Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko CSSB).
- 7.3 Pelapor perlu memberikan maklumat lengkap dan jelas seperti berikut:
- 7.3.1 Keterangan tentang salah laku dan identiti pihak yang terlibat;
  - 7.3.2 Keterangan tentang bagaimana salah laku dilakukan berserta dengan menyatakan tempat, tarikh dan masa kejadian; (Sekiranya mempunyai maklumat tersebut);
  - 7.3.3 Menyertakan keterangan yang berkaitan sama ada dokumen atau lain-lain perkara yang boleh menjadi bukti; dan
  - 7.3.4 Butir-butir Pelapor seperti nama, alamat, talian telefon dan emel untuk tujuan dihubungi dan maklum balas.
- 7.4 Laporan salah laku hendaklah dibuat dengan niat suci hati, bukan palsu, berniat jahat atau bersifat fitnah. Laporan itu hendaklah berdasarkan kepada fakta dan tidak bersifat spekulatif.
- 7.5 Perlindungan akan diberikan kepada rakan perniagaan atau mana- mana orang awam yang membuat laporan salah laku di bawah Polisi ini tertakluk kepada kewajaran dan di mana yang bersesuaian. Bagi mendapatkan perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan lain-lain akta yang berkaitan, rakan perniagaan atau mana-mana orang awam boleh membuat laporan kepada agensi penguatkuasa undang-undang.

 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>10 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

- 7.6 Sekiranya laporan salah laku dibuat terhadap mana-mana Ahli Lembaga Pengarah CSSB, atau Pegawai Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko (JIGPR) maka ahli atau pegawai berkenaan tidak boleh turut sama melibatkan diri di dalam keseluruhan proses yang dinyatakan di dalam Polisi ini atau membuat apa-apa tindakan atau keputusan ke atas laporan tersebut. Apa-apa tugas dan tanggungjawab ahli atau pegawai tersebut hendaklah diambil alih oleh ahli atau pegawai lain yang tidak terlibat.

## **8. PERLINDUNGAN**

- 8.1 Identiti Pelapor termasuk jawatan, alamat tempat kerja, alamat kediaman dan lain-lain yang berkaitan akan dirahsiakan dan dilindungi oleh Polisi ini.
- 8.2 Semua laporan salah laku adalah disifatkan dan diklasifikasikan sebagai SULIT. Kandungan laporan salah laku tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali kepada pihak yang berhak untuk mengetahuinya seperti agensi penguatkuasa undang-undang, Pasukan Penyiasat, Jawatankuasa Audit, Pengurusan Risiko & Integriti (“JARI”), dan Ahli Lembaga Pengarah CSSB untuk tujuan siasatan, penilaian dan membuat keputusan. Bagaimana pun, identiti Pelapor tetap juga akan dirahsiakan dan dilindungi serta tidak boleh dinyatakan dalam apa-apa dokumen atau pernyataan.
- 8.3 Pelapor adalah dilarang untuk mendedahkan apa-apa butiran laporan salah laku yang dibuat olehnya kepada mana-mana pihak lain kecuali kepada agensi penguatkuasa undang-undang. Kegagalan Pelapor mematuhi larangan ini boleh menyebabkan kerahsiaan dan perlindungan kepada Pelapor di bawah Polisi ini terbatal.
- 8.4 Pelapor yang membuat laporan dengan niat suci hati akan dilindungi daripada apa-apa tindakan yang memudaratkan.
- 8.5 Sesiapa yang melakukan tindakan yang memudaratkan terhadap Pelapor akan dikenakan tindakan tatatertib sehingga ke tahap penamatan pekerjaan atau pemecatan atau dilaporkan kepada agensi penguatkuasa undang-undang. Tindakan yang memudaratkan termasuklah:
- 8.5.1 Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
  - 8.5.2 Ugutan atau gangguan;
  - 8.5.3 Gangguan terhadap pekerjaan termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
  - 8.5.4 Ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan di atas.

 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>11 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

- 8.6 Kerahsiaan dan perlindungan kepada Pelapor tidak akan terjejas sekiranya laporan salah laku yang dibuat itu tidak membawa kepada suatu tindakan tatatertib atau pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang.

## 9. PEMBATALAN PERLINDUNGAN

- 9.1 Perlindungan kepada Pelapor akan terbatal sekiranya didapati Pelapor telah membuat laporan salah laku yang diketahuinya palsu, dengan berniat jahat atau berunsur fitnah. CSSB memandang serius mengenai perkara ini dan tindakan tatatertib atau tindakan pengaduan kepada agensi penguatkuasa undang- undang boleh diambil ke atas Pelapor.
- 9.2 Perlindungan juga akan terbatal dalam keadaan-keadaan berikut:
- 9.2.1 Pelapor itu sendiri yang menyertai kelakuan yang tidak wajar yang dilaporkan;
  - 9.2.2 Pelapor membuat laporan salah laku dengan motif untuk mengelak daripada ditamatkan perkhidmatan pekerjaan atau dikenakan tindakan tatatertib; dan
  - 9.2.3 Sama ada sebelum atau selepas membuat laporan salah laku, Pelapor telah mendedahkan mana-mana butiran laporan itu kepada mana-mana pihak yang tidak berhak untuk mengetahuinya.

## 10. TANGGUNGJAWAB

- 10.1 Ahli Lembaga Pengarah CSSB
- 10.1.1 Memastikan Polisi ini dan mekanismenya dilaksanakan di CSSB dan Kumpulan Syarikat secara selamat.
  - 10.1.2 Membincangkan hasil siasatan salah laku serta membuat keputusan yang sewajarnya dengan adil dan saksama berdasarkan kepada pengesyoran JARI / Ahli Lembaga Pengarah MBI. Keputusan yang boleh dibuat ialah:
    - a. Tindakan tatatertib;
    - b. Tindakan sivil;
    - c. Dipanjangkan kepada agensi penguatkuasa undang-undang;
    - d. Dirujuk kepada Jabatan / Unit untuk teguran atau tindakan penambahbaikan dalaman;
    - e. Tiada tindakan (tiada keterangan atau bukti);
    - f. Lain-lain tindakan sewajarnya.

 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>12 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

**10.2 Jawatankuasa Audit, Pengurusan Risiko & Integriti (“JARI”) MBI**

- 10.2.1 Menerima dan menilai aduan salah laku dan menjalankan siasatan salah laku yang dikemukakan oleh Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko CSSB.
- 10.2.2 Membentangkan laporan salah laku dan hasil siasatan salah laku berserta syor-syornya kepada Ahli Lembaga Pengarah MBI untuk keputusan.

**10.3 Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko**

- 10.3.1 Menerima dan menyalurkan aduan salah laku kepada Jabatan Integriti dan Governans MBI untuk tindakan lanjut.

**11. MAKLUMBALAS**

Pelapor akan dimaklumkan mengenai tindakan yang diambil ke atas laporan salah laku yang dibuat olehnya dan hasil siasatan ke atas laporan tersebut.

 <b>CENTRAL SPECTRUM</b> Central Spectrum (M) Sdn Bhd	No. Dokumen:	<b>CSSB/IGRM/IG/POLISI/002</b>	Diluluskan oleh/ Tarikh:	<b>Ahli Lembaga Pengarah / 1 Disember 2022</b>
	Nama Dokumen:	<b>Polisi Pemberi Maklumat</b>	Mukasurat:	<b>13 daripada 13</b>
	Disediakan oleh:	<b>HIGRM</b>	Tarikh dicetak:	<b>16 Januari 2023</b>
	Disemak oleh:	<b>CEO</b>		

## LAMPIRAN

### CARTA ALIRAN PEMBERI MAKLUMAT

